

Impak Alam Sekitar Dan Sosial Disebabkan Oleh Pengusahaan Hutan

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

2017

Pendahuluan

Pengurusan yang cekap dan penggunaan sumber asli yang mampan adalah penting dalam mencapai pembangunan lestari dan memastikan kesejahteraan alam sekitar. Hala tuju pengurusan sumber secara mampan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan dan Malaysia sebagai negara pengeluar utama kayu tropika sentiasa meningkatkan piawaian ke tahap yang terbaik.


Selain daripada keperluan untuk menyeimbangi ekonomi, tanggungjawab terhadap alam sekitar dan juga sosial juga perlu dititik beratkan bagi memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dapat dicapai.

Penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahaan adalah perlu dilaksanakan di setiap kawasan usahasil dalam Hutan Simpanan Kekal yang telah diluluskan. Ini adalah memastikan pendapat dan pandangan masyarakat berhampiran kawasan usahasil dan operasi hutan yang lain diambilkira dan dipandang berat bagi merancang pengurusan hutan di masa hadapan. Selain memastikan komitmen pengurus hutan dalam memastikan pelaksanaan pengusahaan adalah berlandaskan peraturan dan undang-undang semasa.

Metodologi

Penilaian borang Penilaian Impak Sosial Kawasan Pengusahaan (Pembalakan), sebelum, semasa selepas kegiatan usahasil dilaksanakan di Negeri Sembilan bagi tahun 2017.

Penilaian Impak Sosial



Rajah : Peratus Responden Yang Menyatakan Tahap Impak Sosial Bagi Kawasan Usahasil Di Negeri Sembilan Untuk Tahun 2017

Berdasarkan rajah di atas, didapati maklumbalas responden yang terdiri daripada masyarakat berhampiran kawasan usahasil, berpendapat pengusahasil mendatangkan kesan negative kepada social sebanyak 7.9% hingga 69.8 % . Berdasarkan penilaian awal pejabat hutan, aktiviti pengusahasilan yang diadakan di kawasan tersebut tidak akan mendatangkan impak negative yang besar memandangkan lokasi kerja usahasil diadakan jauh dari penempatan penduduk, manakala kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik adalah mencukupi dan disediakan oleh kerajaan.

Aktiviti pengusahasilan ini bukan sahaja dapat membuka peluang pekerjaan untuk menambah pendapatan sampingan kepada penduduk tempatan dan Orang Asli yang berhampiran melalui tawaran kerja seperti pengawal keselamatan dan kelendan *bulldozer*. Selain itu, bayaran sewa jalan tanah dalam tanah milik dan warung-warung serta kedai runcit menerima limpahan perbelanjaan dari pekerja-pekerja syarikat. Dengan adanya jalan hutan yang dibina dan diselenggara dengan baik, masyarakat tempatan dan orang asli mendapat kemudahan laluan darat boleh digunakan untuk penyaraan hidup, contohnya laluan mudah untuk mendapat hasil hutan bagi menyara kehidupan harian seperti mencari buah-buahan hutan, madu lebah dan lain-lain.

Selain daripada itu, amalan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System*) juga menetapkan agar pengusahasil menjalankan aktiviti pengusahasilan berpandukan Dasar Perhutanan Negara 1984, Manual Kerjal Luar, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Rancangan Pengurusan Hutan semasa. Penanaman pokok di bekas lorong penarik dan matau juga merupakan syarat utama bagi pengusahasilan sebelum penyediaan Laporan Penutup. Bagi tahun 2017,

sebanyak 23,560 pokok yang terdiri daripada spesies Meranti Tembaga, Merawan Siput Jantan, Meranti Kepong, Chengal, Kapur dan beberapa spesies kayu yang lain.

Kesimpulan

Secara amnya, amalan pengurusan hutan secara berkekalan dengan berlandaskan perkhidmatan hutan yang menyumbang kepada sosio-ekonomi masyarakat mampu memberi impak positif kepada masyarakat setempat. Komitmen dan integriti semua pihak dalam memelihara khazanah hutan di samping pengurusan hutan secara lestari dapat menjamin kemandirian taraf hidup sejagat di samping menjamin kemampanan sumber kepelbagaian biologi Negara.